

## Amalan Strategi Mendengar dan Bertutur Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar

### *Practice of Arabic Listening and Speaking Strategies among Students*

AZMAN CHE MAT, AHMAD ZULFADHLI NOKMAN, NOR SHAIFURA MUSILEHAT, AHMAD FAKRULAZIZI ABU BAKAR & ZALINAWATI ABDULLAH

#### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti usaha yang dilakukan oleh pelajar untuk menguasai kemahiran lisan sebagai satu kemahiran yang sangat penting dalam pemerolehan bahasa sebagai alat komunikasi. Oleh yang demikian, penguasaan kemahiran lisan masih menjadi persoalan pokok dalam pembelajaran bahasa Arab secara khasnya. Hal ini diyakini berkait rapat dengan cara pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar. Dalam kemahiran lisan terdapat dua strategi yang diperincikan untuk memastikan kemahiran lisan diperolehi, iaitu strategi mendengar dan strategi bertutur. Kedua-dua strategi ini sangat berkait rapat untuk memperolehi kemahiran lisan dalam pembelajaran bahasa. Sikap pelajar terhadap strategi ini sangat penting untuk menentukan mereka mencapai kemahiran lisan yang sewajarnya. Dari segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul dan menjalankan analisis data. Instrumen soal selidik juga diadaptasi daripada Cohen dan Oxfords (2002) yang tertumpu kepada strategi mendengar (4 konstruk) dan bertutur (5 konstruk). Bagi mengukur sikap pula, tiga komponen sikap dinilai iaitu kognitif, afektif dan konatif (8 item). Seramai 314 peserta kajian yang terlibat dalam menjawab maklum balas soal selidik yang diedarkan sendiri oleh pengkaji. Data yang dikutip kemudiannya dianalisis menggunakan perisian SmartPLS versi 3.2.9. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden mengamalkan strategi mendengar dan strategi bertutur untuk memperolehi kemahiran lisan. Namun begitu dari aspek hubungan sikap mereka terhadap strategi mendengar adalah lebih rendah (4.983) berbanding dengan strategi bertutur (7.700). Implikasi kajian ini menunjukkan perlunya kemahiran mendengar ditingkatkan dalam kalangan pelajar bahasa Arab. Hal ini boleh dicapai dengan melaksanakan sesi mendengar secara kerap dan penyediaan bahan-bahan yang bersesuaian dengan tahap pelajar dan silibus pembelajaran yang tersedia.*

*Kata kunci: Kemahiran; lisan; pembelajaran; strategi; sikap*

#### ABSTRACT

*This study aims to identify the efforts made by students to master the oral skills in the acquisition of language as a communication tool. Therefore, the mastery of oral skills is still a key issue in learning Arabic in particular. This is believed to be closely related to the way of learning practiced by students. In oral skills there are two strategies detailed to ensure that oral skills are acquired, namely listening strategy and speaking strategy. These two strategies are often closely related to gaining oral skills in language learning. Students' attitudes toward these strategies are critical to ensuring they achieve appropriate verbal skills. This study uses a quantitative approach to collect and conduct data analysis. The questionnaire instrument was also adapted from Cohen and Oxfords (2002) which focused on listening (4 constructs) and speaking (5 constructs) strategies. To measure attitude, three components of attitude were assessed, namely cognitive, affective and conative (8 items). A total of 314 participants were involved in the questionnaire responses operated by the researchers. The collected data were then analyzed using SmartPLS software version 3.2.9. The findings of this study show that respondents practice listening strategies and speaking strategies to acquire oral skills. However, respondents' attitudes towards listening strategies are lower (4.983) compared to speaking strategies (7.700). The implications of this study indicate the need for improved listening skills among Arabic language learners. This can be achieved by conducting regular listening sessions and providing materials appropriate to the level of students and the learning syllabus available.*

*Keywords: Skill; verbal; learning; strategy; attitude*

## Pengenalan

Masyarakat daripada golongan remaja dan dewasa menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk mengikuti pengajian bahasa Arab di mana sahaja termasuklah melalui program-program di televisyen, radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), kursus pengajian intensif dan sebagainya (Ahmad Fakhrlazizi 2011). Bahkan Ashinida Aladin (2017) mendapati ada dalam kalangan non-Muslim yang mempelajari bahasa Arab di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) disebabkan oleh faktor motivasi integratif, iaitu untuk mengenali Islam dan orang Islam. Meskipun demikian, bahasa Arab masih lagi dianggap sebagai sukar untuk difahami dan dikuasai menyebabkan ada yang berhenti separuh jalan apabila belajar bahasa Arab (Syed Nasir Omar Assagoff 2010). Walhal, kemahiran berbahasa Arab untuk berbicara merupakan satu aspek yang menjadi sangat penting dalam pembelajaran bahasa Arab.

Isu kemahiran lisan bahasa Arab telah lama dibincangkan dalam kalangan pendidik bahasa Arab di Malaysia. Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa tahap kemahiran lisan bahasa Arab dalam kalangan pelajar adalah masih jauh daripada memuaskan. Hal ini pada hemat pengkaji adalah amat berkait rapat dengan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar yang mempelajari bahasa Arab di pelbagai peringkat. Di samping itu juga, kaedah pengajaran yang kurang berkesan menyebabkan hal ini terjadi.

Faktor-faktor eksternal juga memberi kesan kepada kemahiran lisan bahasa Arab seperti persekitaran yang kurang kondusif untuk bertutur dalam bahasa Arab selain di dalam kelas pembelajaran. Begitu juga dengan persekitaran lain di luar kampus juga sukar untuk mendapatkan persekitaran mesra bahasa Arab kecuali di lapangan terbang antarabangsa (KLIA), siaran radio IKIM, saluran al-Jazeera dan Bernama melalui ASTRO dan selebihnya ialah bahan-bahan dalam talian yang memerlukan usaha pelajar untuk meneroka sendiri.

Justeru itu, pelajar-pelajar yang pernah atau sedang belajar bahasa Arab sering kali bergelut dengan cabaran dan rintangan dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab. Mereka menggunakan pelbagai kaedah dan strategi dalam usaha untuk menguasai kemahiran ini. Namun begitu, ada dalam kalangan mereka yang berjaya menguasai kemahiran ini dan ada juga yang kurang berjaya. Sesungguhnya untuk menguasai kemahiran lisan ini banyak juga bergantung kepada kemampuan diri

para pelajar menggunakan strategi yang sesuai dan memupuk sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab.

## Sorotan Literatur

### Pendekatan Pembelajaran Bahasa Arab

Semenjak pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mula menggunakan pendekatan komunikatif, empat kemahiran bahasa telah diberi perhatian, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pendekatan komunikatif bermaksud bahasa berfungsi sebagai perantara yang membawa mesej kepada penerima oleh penyampai. Pendekatan komunikatif juga berdasarkan pada teori bahasa yang menyatakan bahwa pada hakikatnya bahasa itu merupakan suatu sistem untuk mengekspresikan makna. Teori ini lebih memberi tekanan pada dimensi semantik dan komunikatif dibandingkan pada ciri-ciri gramatikal bahasa. Oleh kerana itu, dalam pembelajaran bahasa yang berdasarkan pada pendekatan komunikatif bahasa, pembelajaran bahasa bukan mempelajari pengetahuan tentang bahasa (Relit Nur Edi 2012). Bahkan ia tertumpu kepada kemahiran berbahasa. Pendekatan ini juga diyakini dapat membantu pelajar menguasai bahasa secara berperingkat-peringkat (Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah 2014). Bagi mencapai objektif kemahiran berbahasa ini, pelbagai strategi pembelajaran dipraktikkan dalam kelas pembelajaran bahasa Arab. Kesemua kemahiran ini pula dinilai keberkesanannya dengan pelbagai cara yang bersesuaian.

Kemahiran lisan dalam kajian ini merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur. Hal ini kerana seseorang yang mula bertutur perlu mendengar dahulu sesuatu yang dipelajarinya untuk dituturkan. Justeru itu, orang yang tidak mempunyai deria mendengar sejak kecil akan menjadi bisu. Menurut sarjana bahasa, kemahiran lisan merupakan kemahiran paling penting dalam pembelajaran bahasa. Menurut Fathur Rohman (2015) terdapat tiga syarat asas untuk menguasai bahasa, iaitu sihat alat-alat bunyi (untuk bertutur), sihat alat penerima bahasa (untuk mendengar) dan pertumbuhan dalam masyarakat (pendedahan dan penggunaan bahasa). Kemahiran lisan dilihat sebagai aspek utama dalam pengembangan bahasa, dan kerana itu menjadi fokus utama bagi semua kegiatan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui mendengar dan bertutur, pelajar dapat mempelajari konsep,

mengembangkan kosa kata dan memahami struktur (Imam Asrori 2018). Sesungguhnya, pelajar yang mempunyai asas bahasa lisan yang kuat mempunyai kelebihan akademik, kerana hasil pembelajaran adalah berdasarkan kemampuan pelajar untuk memaparkan pengetahuan secara jelas dan dalam bentuk yang dapat diterima, baik secara lisan mahu pun penulisan. Namun dalam kes bahasa Arab, ternyata kemahiran lisan masih memerlukan perhatian dalam kalangan pengkaji. Hal ini demikian kerana pembelajaran bahasa Arab bukan lagi bertujuan untuk memahami dan mendalami teks-teks agama Islam, bahkan ia merentasi lapangan ekonomi, politik dan rentas budaya.

Justeru, perhatian kepada bahasa Arab untuk komunikasi lisan wajar diberi perhatian serius khususnya berkaitan dengan strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Menurut Al-Khresheh et al. (2020), mempunyai kemahiran lisan yang baik dalam bahasa asing dianggap sebagai penanda aras seorang pelajar itu berjaya menguasai bahasa asing disebabkan kemahiran ini adalah kemahiran berbahasa yang paling sukar untuk dikuasai oleh seseorang yang bukan penutur asal bahasa itu. Bagi mencapai maksud ini, strategi pembelajaran bahasa- khususnya bahasa ketiga atau bahasa asing boleh diteliti dan dicerakinkan aspek-aspek yang bersesuaian untuk diterapkan dalam bahasa Arab secara khusus.

Kajian lepas yang menyentuh isu strategi kemahiran bahasa Arab mendapati pelajar kurang menggunakan strategi pembelajaran untuk menguasai bahasa Arab (Rosni Samah et al., 2020). Justeru itu, beberapa kajian lepas banyak berkaitan strategi-strategi kemahiran bahasa Arab berorientasikan pelajar secara teori (Rosni Samah 2014; Rosni Samah et al. 2020; Nurhidayati et al. 2021), pengajar (Nurul Izzati Ahmad Radzi et al. 2021), jantina (Nadhilah Abdul Pital & Kamarul Shukri Mat Teh 2019) dan kosa kata (Rosni Samah 2013; Harun Baharudin & Zawawi Ismail 2016)

Manakala kajian berkaitan sikap dan hubungannya dengan bahasa Arab juga telah dilaksanakan serta tertumpu kepada minat terhadap bahasa Arab (Azman Che Mat & Goh Ying Soon 2010; Azman Che Mat 2013), motivasi (Ashinida Aladin, 2017) pengajaran (Ghazali Yusri et al. 2010; Zawawi Ismail et al. 2011; Azani Ismail et al. 2012) dan pembelajaran (Ismail Muhamad et al. 2013),

Justeru itu, wajar satu kajian dilakukan untuk memfokuskan strategi kemahiran lisan dan sikap pelajar terhadap strategi ini. Perhatian khusus

kepada kemahiran lisan sangat penting kerana jurang kemahiran lisan dengan kemahiran menulis dan membaca adalah berbeza kerana bergantung kepada objektif penawaran kursus bahasa Arab di institusi pengajian tinggi. Selain itu, strategi kemahiran lisan perlu dilakukan secara khusus agar hasil pembelajaran mencapai objektif yang sepatutnya. Lebih-lebih lagi untuk menguasai kemahiran lisan bahasa Arab juga berhadapan dengan cabaran jarak fizikal dan jarak psikologi (Adlina et al. 2021).

#### STRATEGI MENDENGAR (AURAL)

Strategi itu ialah cara untuk meningkatkan keupayaan pembelajaran bahasa dan membantu membangunkan kemahiran bahasa dalam kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis bahasa asing (Sueraya Che Haron et al. 2010). Kemampuan mendengar merupakan kemahiran paling asas dalam memperolehi bahasa. Kanak-kanak kecil mula mengecam bunyi bahasa melalui deria pendengaran dan menyimpan maklumat dalam memori. Pengecam bunyi ini akan berterusan setiap kali deria mendengar menangkap bunyi bahasa yang dikesan di persekitarannya. Justeru itu, mendengar menjadi aktiviti komunikasi yang utama dalam penggunaan bahasa (Abdul Aziz 1989) dan pelajar bahasa perlu bermula dengan kemahiran mendengar (Shaferul Hafes Sha'ari & Mohd Fauzi Abdul Hamid 2012).

Bagi mencapai maksud kemahiran mendengar, strategi yang khusus perlu dilaksanakan. Menurut Abdul Aziz (1989) terdapat tiga proses yang berlaku untuk kemahiran mendengar ini, iaitu:

1. Mendengar dengan teliti
2. Memahami, dan
3. Menilai atau mentafsir maklumat, idea, isi bahan-bahan yang didengar.

Menurut Buska et al. (2020) pula, penggunaan makmal bahasa dapat membantu kemahiran mendengar. Menurut beliau, makmal bahasa boleh berfungsi sebagai medium untuk pelajar mendengar rakaman audio dalam bahasa yang dipelajari. Hal ini diperkuatkan lagi oleh Hanifah dan Rakhmawati (2020) yang menyatakan bahawa makmal bahasa juga boleh mencipta suasana formal dan tidak formal bahasa yang dipelajari. Terdapat dua strategi yang boleh dilaksanakan untuk mencapai kemahiran mendengar bahasa Arab (Wahab 2008), iaitu:

1. Mewujudkan persekitaran audio-visual seperti khutbah, ceramah agama, muzik, program radio dan saluran TV berbahasa Arab;

2. Interaksi sosial: khususnya aktiviti pengajaran menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam sesi pembelajaran.

Terdapat kajian-kajian terkini berkenaan kemahiran mendengar berbantuan bahan-bahan pengajaran seperti penggunaan *Podcast* yang merekodkan bunyi-bunyi bahasa yang dipelajari dan melatih mendengar sebutan-sebutan bahasa (Ahmed 2016), kaedah *VisualTrip* untuk mengukur kemahiran mendengar pelajar oleh Alhajya et al. (2018), penggunaan Papan Putih Interaktif (*Interactive White Board*) oleh Aldhafiri (2020) dan terkini pendekatan pengajaran berasaskan masalah (Nurhidayati et al. 2021), yang mendapati wujudnya kesan positif kepada pemupukan kemahiran mendengar pelajar.

Meskipun demikian, strategi mendengar ini perlu dilakukan secara selari dengan strategi bertutur kerana sebaik sahaja mendengar sesuatu ucapan dalam bahasa Arab, ia perlu dituturkan dengan kaedah ajukan. Menurut Ku Fatahiyah Ku Azizan et al. (2014), pelajar yang mampu mendengar dengan baik akan membantu mereka menghasilkan pertuturan yang baik kerana mereka dapat memahami sesuatu yang didengar dengan jelas dan betul. Oleh yang demikian, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur merupakan kemahiran gabungan yang perlu diajarkan serentak dalam konteks pengajaran bahasa.

#### STRATEGI BERTUTUR (ORAL)

Untuk menguasai kemahiran bertutur dalam bahasa Arab, pelajar perlu menggunakan strategi bertutur yang berkesan supaya proses pembelajaran menjadi lebih baik. Seperti yang dijelaskan, untuk menuturkan sesuatu bunyi bahasa, strategi mendengar yang berkesan dapat membantu pelajar bahasa meningkatkan kemahiran bertutur.

Kemahiran bertutur dalam bahasa Arab merangkumi menyebut makhraj huruf, kosa kata, ungkapan ringkas dan ayat-ayat. Ahmad Fared Mohd Din dan Mohammad Seman (2019) membahagikan kemahiran menyebut bahasa Arab kepada dua, iaitu Segmental; makhraj huruf dan sifat huruf dan Suprasegmental; tekanan suara, intonasi, jeda dan mora (bacaan pendek dan panjang). Terdapat tiga peringkat strategi bertutur yang disarankan, iaitu:

1. Strategi sebelum mempelajari sebutan; persediaan diri, mental dan emosi pelajar.
2. Strategi semasa mempelajari sebutan; membuat nota, meniru dan mengajuk sebutan.

3. Strategi selepas mempelajari sebutan; ulangkaji, menonton video berbahasa Arab dan sebagainya.

Berdasarkan strategi-strategi yang disebut di atas, terdapat beberapa teknik yang boleh digunakan untuk mencapai objektif yang disasarkan. Fahed Maromar et al. (2018) menyebut beberapa teknik untuk memupuk kemahiran lisan/bertutur seperti teknik latih tubi mekanis, latihan korus, teknik berteriak (*ripple technique*), prosa, teknik soal jawab, latihan pengembangan atau peluasan, latihan benar atau tidak benar bertujuan untuk menggalakkan interaksi, latihan lanjutan, karangan berangkap, dialog dan lakonan.

Selari dengan teknik-teknik di atas yang berpusatkan pelajar, Masyitah Yaacob et al. (2018) mencadangkan elemen *coaching* dan *mentoring* dimasukkan bersama ketika aktiviti pembelajaran bahasa berlangsung. Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperolehi menunjukkan elemen *coaching* dan *mentoring* ini berupaya memberi impak positif kepada kemahiran bertutur bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Menurut beliau lagi, sebanyak 85% pelajar menyatakan bahawa keyakinan mereka untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab meningkat apabila sistem *coaching* dan *mentoring* digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab.

Cox et al. (2014) dalam pendahuluan buku "*The Complete Handbook of Coaching*" mendefinisikan *coaching* sebagai satu proses pembangunan insaniah yang melibatkan interaksi berpusat dan tersusun serta mengguna pakai strategi, kaedah dan teknik yang bersesuaian bagi menghasilkan perubahan yang positif dan mampan dalam kalangan pelatih. Manakala *mentoring* pula adalah satu sistem yang menghubungkan mentor (guru atau pensyarah) dan protegi (pelajar) dalam satu tempoh masa yang panjang, bertujuan membantu dan membimbing pelajar serta menyediakan sokongan moral dalam proses pembelajaran mereka (Work 1999).

Pemantauan dan bimbingan berterusan serta interaksi aktif antara guru dan pelajar juga merupakan salah satu strategi pembelajaran yang efektif dalam memperkasakan kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar. Justeru kedua-dua elemen *coaching* dan *mentoring* perlu digunakan semaksima yang mungkin semasa proses pembelajaran di dalam kelas dan di luar kelas. Perkara ini menjadikan pelajar lebih bersedia dari segi mental dan emosi serta berupaya melonjakkan keyakinan mereka untuk bertutur dalam bahasa Arab.



## PENILAIAN KENDIRI KEMAHIRAN BAHASA

Penilaian sendiri pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing atau kedua merupakan salah satu aspek terpenting dalam mengukur tahap penguasaan kemahiran bahasa meskipun ketepatan penilaian ini banyak bergantung kepada cara bagaimana pelajar mempelajari bahasa asing atau kedua. Hal ini kerana terdapat faktor tertentu yang mempengaruhi pelajar yang bukan penutur asal untuk melakukan penilaian sendiri ini seperti pengaruh bahasa pertama pelajar selain proses pembelajaran bahasa asing itu sendiri yang kompleks dan unik yang menyukarkan pelajar untuk membuat penilaian sendiri bahasa (Mohamad Hafizudin Mohamad Jamrus & Abu Bakar Razali 2019).

Selain itu, bahasa Arab juga mempunyai rumus-rumus bahasa yang kompleks sedangkan tatabahasa sesebuah bahasa itu sangat penting dan perlu difahami dan dipelajari dengan baik dan sempurna untuk memahami bunyi, huruf, perkataan dan ayat-ayat bahasa itu (Othman bin Arifeen 2013). Namun hal ini dapat diatasi apabila pelajar mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan dapat memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar dalam kemahiran bertutur dalam bahasa kedua atau bahasa asing (Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pital 2014).

Pengetahuan sendiri pelajar terhadap strategi pembelajaran juga mampu meningkatkan minat pelajar untuk menguasai bahasa asing (Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar 2015). Hal ini dapat dilaksanakan dengan pendedahan oleh para guru dan pengajar bahasa. Apabila minat pelajar sudah meningkat, maka keresahan pelajar semasa mempelajari bahasa dapat dikurangkan. Hal ini kerana keresahan pelajar dalam pembelajaran memberi kesan kepada tingkah laku dan kognitif


(Jafar Mohammad Batiha et al. 2018). Seterusnya boleh menyebabkan kegagalan, pelajar tidak mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti yang dilakukan dan menanggungkan tugas yang diberikan (Nur Pratiwi & Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad 2015).

Selain itu pelajar yang melakukan penilaian sendiri kemahiran bahasa berupaya meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif dalam pembelajaran bahasa asing seperti bahasa Arab (Mohamad Hafizudin Mohamad Jamrus & Abu Bakar Razali 2019). Pertembungan budaya berbeza dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa pertama atau ibunda pelajar dan bahasa asing seperti bahasa Arab mampu menjadikan pelajar berfikir secara lebih teliti dan kritikal dan lebih cermat untuk memilih kosa kata mahupun frasa agar terlihat sesuai dengan konteks perbualan yang digunakan.

Berdasarkan sorotan kajian lepas, jelas bahawa telah banyak kajian yang berkaitan pembelajaran bahasa Arab yang menfokuskan strategi pembelajaran, seperti mendengar dan bertutur. Meskipun begitu, kajian secara khusus untuk mengaitkan kemahiran lisan dengan sikap pelajar bahasa Arab masih belum dilaksanakan secara terperinci. Justeru itu, kajian ini diyakini dapat meneroka aspek kemahiran lisan berdasarkan kaitan strategi mendengar dan bertutur dengan sikap pelajar bahasa Arab.

## KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kerangka teoritikal kajian ini dibangunkan seperti lakaran rajah di bawah:



RAJAH 1. Kerangka Teoritikal Kajian

Rajah 1 di atas menjelaskan kerangka teoritikal yang dilaksanakan dalam kajian ini. Bagi menilai kemahiran lisan, kajian ini mengandaikan terdapat tiga teras utama yang perlu wujud dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Pertama ialah perlu kepada strategi mendengar yang diperolehi dengan menggunakan teknik-teknik yang membantu kemahiran mendengar seperti pendedahan kepada bahan-bahan bahasa yang berbentuk bunyi bahasa itu sendiri sama ada perhubungan terus dengan penutur bahasa atau mendengar rakaman bunyi bahasa daripada peralatan teknologi semasa. Kedua, kemampuan menuturkan bunyi-bunyi bahasa itu dapat dibangunkan setelah memperolehi bahan-bahan audio-visual yang disimpan di dalam

memori untuk ditiru dan diproduksi secara aktif oleh pelajar. Akhir sekali, sikap pelajar terhadap kemahiran ini sendiri menjadi penggerak kepada aplikasi strategi kemahiran mendengar dan strategi kemahiran bertutur. Justeru, sikap terhadap strategi dan teknik yang wajar dilaksanakan dalam proses pembelajaran dalam kalangan pelajar bahasa Arab adalah sangat penting.

Perincian daripada kerangka ini juga merujuk kepada inventori strategi pembelajaran bahasa oleh Cohen dan Oxford (2002). Strategi kemahiran yang diadaptasi daripada inventori ini ialah kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur. Setiap kemahiran ini mengandungi konstruk yang dijelaskan seperti dalam jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Konstruk Strategi Mendengar dan Bertutur

Kemahiran	Konstruk 1	Konstruk 2	Konstruk 3	Konstruk 4
Mendengar	Apa yang saya lakukan untuk mendengar lebih lagi	Apa yang saya lakukan untuk memahami bunyi lafaz huruf ( <i>sounds</i> ) bahasa Arab	Apa yang saya lakukan untuk memahami apa yang saya dengar	Apa yang saya lakukan jika masih belum dapat memahami pertuturan bahasa Arab?
Bertutur	Apa yang saya lakukan untuk mempraktikkan pertuturan	Apa yang saya lakukan untuk berbual dengan orang lain menggunakan bahasa Arab	Apabila saya tidak dapat berfikir tentang kosa kata/frasa yang mahu diucapkan	

Manakala bagi aspek sikap, tiga komponen sikap diukur berdasarkan teori sikap oleh Fisbien (1960) yang dikenali sebagai *Theory Reasoned Action* (TRA). Komponen sikap ini ialah kognitif, afektif dan konatif. Menurut Darmiyati Zuchdi (1995) komponen kognitif mengandungi unsur persepsi dan kepercayaan, manakala komponen

afektif mengandungi unsur perasaan atau emosi dan komponen konatif pula mengandungi unsur kecenderungan bertindak atau berperilaku.

Bagi mengukur sikap ini, elemen yang difokuskan kepada komponen kognitif, afektif dan konatif diterangkan dalam jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Komponen Sikap

Bil.	Komponen Kognitif	Komponen Afektif	Komponen Konatif
1.	Motivasi	Malu	Meningkatkan motivasi
2.	Masa	Menerima kesalahan	Menggunakan masa
3.	Aktif		Mencari peluang

Berdasarkan Jadual 2 di atas, kepercayaan terhadap kepentingan peranan motivasi, menggunakan masa dengan baik dan bersikap aktif adalah perlu dalam menguasai kemahiran bahasa. Dalam masa yang sama, perasaan dan emosi negatif seperti malu dan takut melakukan kesalahan apabila mempelajari bahasa juga perlu dihindari dan dikurangkan. Seterusnya komponen konatif pula dikaitkan langsung dengan kepercayaan dan disertakan dengan tindakan seperti meningkatkan motivasi, menggunakan masa dan mencari peluang untuk meningkatkan kemampuan berbahasa.

## OBJEKTIF DAN HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan sorotan di atas, kajian ini menetapkan dua objektif yang perlu dicapai, iaitu:

1. Mengenal pasti strategi kemahiran lisan bahasa Arab dalam kalangan peserta kajian;
2. Mengukur tahap hubungan strategi kemahiran lisan dengan sikap pelajar bahasa Arab.

Berdasarkan objektif kedua kajian, dua hipotesis dikemukakan untuk diuji berkaitan hubungan sikap dengan strategi mendengar dan strategi bertutur, iaitu:

- H1: semakin tinggi sikap positif pelajar terhadap kemahiran lisan, semakin kerap strategi mendengar dipraktikkan;
- H2: semakin tinggi sikap positif pelajar terhadap kemahiran lisan, semakin kerap strategi bertutur dipraktikkan.

### METODOLOGI

Kajian ini secara khusus menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif. Selain itu, populasi kajian juga terhad kepada satu lokasi sahaja, iaitu pelajar bahasa Arab di UiTM Cawangan Terengganu. Justeru kajian ini dikategorikan sebagai kajian kes. Kajian ini juga bersifat keratan lintang (*cross-sectional*) kerana dilakukan pada satu masa sahaja (Syed Arabi Idid 2002). Kerangka metodologi kajian ini dijelaskan seperti berikut:

JADUAL 3. Populasi dan Persampelan

Bil.	Populasi	Persampelan
1	570	314

### INSTRUMEN

Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh pihak pengkaji dengan beberapa konstruk yang diadaptasi daripada Cohen dan Oxford (2002) khususnya item yang menjurus kepada

### PERSAMPELAN

Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar bahasa Arab yang merupakan pelajar daripada pelbagai program pengajian seperti program Pelancongan dan Pengurusan Hotel, Pengurusan Perniagaan, Sains Perkomputeran dan Pengurusan Pejabat. Populasi dan persampelan yang dilakukan adalah secara rawak bertujuan, iaitu hanya responden yang mengambil bahasa Arab pada semester Mac-Sept2019 sahaja terlibat sebagai responden. Selain itu, pelajar yang berminat untuk turut serta sahaja dipilih sebagai responden kajian. Hal ini kerana terdapat juga segelintir pelajar yang tidak dapat memberikan kerjasama untuk mengambil bahagian dalam kajian dan juga kerana semasa soal selidik diedarkan ada di antara mereka yang terlibat dengan aktiviti yang lain. Jadual 3 di bawah menerangkan jumlah populasi dan persampelan responden dalam kajian ini.

dua kemahiran sahaja, iaitu strategi mendengar dan strategi bertutur. Manakala komponen sikap pula tertumpu kepada kognitif, afektif dan konatif. Struktur soal selidik ini dijelaskan dalam jadual 4 seperti berikut:

JADUAL 4. Struktur soal selidik

Bahagian	Kandungan
A	Demografi
B	Strategi Mendengar i. Konstruk (4)
	Strategi Bertutur I. Konstruk (3)
C	Sikap

*Nota:* Soal selidik ini telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dan diedarkan kepada pelajar yang bersedia untuk menjadi responden secara sukarela.

### ANALISIS

Setelah soal selidik dikumpulkan, proses *kod-in*, *key-in* dan analisis dilakukan mengikut bahagian

soal selidik. Bahagian A yang merupakan maklumat demografi responden dianalisis secara deskriptif. Manakala analisis bahagian B dan C dijalankan secara deskriptif dan korelasi.

## DAPATAN KAJIAN

## DEMOGRAFI RESPONDEN

JADUAL 5. Demografi Responden

Perkara	Kategori	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	99	31.5
	Perempuan	215	68.5
Kursus Pengajian	BA242	57	18.2
	BA244	16	5.1
	CS242	19	6.1
	CS244	49	15.6
	HM242	47	15.0
	HM112	21	6.7
	HM111	23	7.3
	Lain-lain	82	26.1
Aliran Persekolahan	Sastera	78	24.8
	Agama	15	4.8
	Sains	131	41.7
	Ekonomi	49	15.6
	Lain-lain	41	13.1
Pengalaman Bahasa Arab	Ya	185	58.9
	Tidak	129	41.1

Jadual 5 di atas memaparkan profil responden kajian yang terlibat. Kebanyakan responden terdiri daripada pelajar perempuan dengan 68.5% (215) dan pelajar lelaki pula ialah 31.5% (99). Taburan program pengajian yang diambil oleh responden pula adalah seimbang mengikut bilangan pelajar yang tinggi kerana fakulti tersebut mempunyai kadar enrolmen yang tinggi seperti fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (HM242/HM112/HM11) diikuti Fakulti Sains Komputer (CS242/CS244) dan Fakulti Pengurusan Perniagaan (BA242/BA244) masing-masing mempunyai bilangan pelajar yang hampir seimbang. Manakala program yang mempunyai kadar enrolmen yang sedikit hanya digabungkan dalam satu kumpulan dengan jumlah 26.2% (82) sahaja.

Profil responden juga menunjukkan kebanyakan mereka datang daripada aliran sains (131; 41.7%), sastera (78; 24.8%), ekonomi (49; 15.6%) dan lain-lain (41; 13.1%). Namun responden yang datang daripada aliran agama yang sudah tentunya mempunyai pengalaman dan latar belakang bahasa Arab yang kukuh hanyalah berjumlah 15 orang (4.8%). Namun berdasarkan respon responden terhadap pengalaman mereka mempelajari bahasa Arab jelas menunjukkan jumlah yang agak signifikan, iaitu 41.1% pernah mempunyai pengalaman dengan bahasa Arab sebelum menyambung pengajian di UiTM. Hal ini menunjukkan populariti bahasa Arab agak baik dalam sistem pendidikan di Malaysia.

## PENGESAHAN MODEL UKURAN

Analisis data dijalankan dengan menggunakan perisian SmartPLS versi 3.2.9. Dalam mengukur kebolehpercayaan alat kajian, nilai kebolehpercayaan komposit (*CR-Composite Reliability*) digunakan bagi menentukan tahap ketekalan dalaman pada dimensi dan kompetensi alat kajian ini. Nilai CR pada dimensi yang melebihi 0.70 menunjukkan tahap kebolehpercayaan dimensi yang baik tetapi nilai 0.60 hingga 0.70 merupakan nilai yang masih boleh diterima (Hair et al. 2017). Nilai CR di bawah 0.60 pula menunjukkan kekurangan kebolehpercayaan ketekalan dalaman (Hair et al. 2017). Dari segi pekali pemuatan luaran, nilai pekali yang melebihi 0.70 menunjukkan kebolehpercayaan petunjuk yang baik. Nilai pemuatan luaran dalam lingkungan 0.40 hingga 0.70 adalah nilai yang boleh diterima sekiranya nilai CR dan nilai *Average Variance Extracted* (AVE) melebihi nilai ambang yang ditetapkan (Ramayah et al. 2016). Jadual 6 menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan konstruk. Item-item bagi setiap konstruk telah mencapai piawai analisis kesahan dan kebolehpercayaan kerana mempunyai nilai melebihi 0.7 (Fornel & Larcker 1981; Gefen & Straub 2005). Seterusnya, setiap konstruk mempunyai nilai kebolehpercayaan komposit melebihi 0.80 yang menunjukkan skala pengukuran mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi (Chua 2006; Henseler et al. 2009).



JADUAL 6. Nilai pemberat faktor dan kebolehpercayaan komposit untuk konstruk yang berbeza

Aturan Pertama Konstruk	Aturan Kedua Konstruk	Item	Muatan	Kebolehpercayaan komposit (CR)	Nilai <i>Average Variance Extracted</i> (AVE)
Mendengar Lebih Lagi		Lakukan1	0.697	0.851	0.534
		Lakukan2	0.772		
		Lakukan3	0.686		
		Lakukan4	0.735		
		Lakukan5	0.760		
Fahami bunyi yg didengari		Bunyi8	0.851	0.839	0.723
		Bunyi9	0.849		
Faham apa yang didengar		Faham10	0.843	0.857	0.750
		Faham11	0.889		
		Bfaham13	0.763		
Tindakan untuk mendapat fahaman		Bfaham14	0.621	0.868	0.527
		Bfaham15	0.557		
		Bfaham16	0.766		
		Bfaham17	0.807		
		Bfaham18	0.802		
		Mendengar Lebih lagi	0.542		
		Fahami bunyi yg didengari	0.843		
		Faham apa yang didengar	0.754		
Parktik untuk Bertutur	Strategi Mendengar	Tindakan untuk mendapat fahaman	0.835	0.836	0.568
		Lakukan19	0.800		
		Lakukan20	0.708		
		Lakukan21	0.834		
		Lakukan22	0.766		
Bertutur dengan Bahasa Arab		Berbual23	0.637	0.798	0.501
		Berbual24	0.632		
		Berbual25	0.838		
		Berbual26	0.703		
Tindakan Jika tidak dapt berfikir kosa kata atau ayat		Tberfikir27	0.652	0.844	0.577
		Tberfikir28	0.787		
		Tberfikir29	0.830		
		Tberfikir30	0.760		
		Praktik untuk bertutur	0.832		
Sikap	Strategi Bertutur	Bertutur dengan Bahasa Arab	0.847	0.876	0.703
		Tindakan	0.836		
		Item1	0.734		
		Item2	0.779		
		Item3	0.773		
		Item4	0.685		
		Item5	0.773		
		Item6	0.726		
		Item7	0.706		
		Item8	0.714		

Kesahan konvergen dan kesahan diskriminan digunakan untuk mengenal pasti kesahan instrumen ini. Kesahan konvergen menggambarkan sejauh manakah item-item boleh berkait dengan satu konstruk yang sama (Carlson & Herdman 2012). Jadual 7 menunjukkan keputusan ujian kesahan diskriminan. Konstruk kajian ini telah memenuhi kriteria kesahan diskriminan yang telah ditetapkan

kerana nilai Heterotrait-monotrait (HTMT) bagi setiap konstruk adalah kurang daripada nilai kritikal yang diperlukan, iaitu 0.90 (Franke & Sarstedt 2019). Secara ringkasnya, ujian pengesanan konsistensi dalaman, kebolehpercayaan ukuran, kesahan konvergen dan kesahan diskriminan adalah memuaskan daripada data yang diperolehi.

JADUAL 7. Keputusan ujian kesahan diskriminan HTMT

	Sikap	Strategi Bertutur	Strategi Mendengar
Sikap			
Strategi Bertutur	0.806		
Strategi Mendengar	0.772	0.898	

Jadual 8 menunjukkan tahap konstruk dan keputusan ujian kolineariti konstruk. Ujian faktor inflasi varians (*variance inflation factor*) antara pemboleh ubah tidak bersandar (strategi bertutur dan strategi mendengar) dan pemboleh ubah bersandar (sikap) mempunyai nilai kurang daripada 5. Hal ini

menunjukkan data bagi kajian ini bebas daripada masalah kolineariti yang serius (Hair et al. 2014). Secara keseluruhannya, keputusan analisis konstruk mengesahkan bahawa konstruk-konstruk kajian ini mencapai piawai kesahan dan kebolehpercayaan yang ditetapkan.

JADUAL 8. Keputusan isu kolineariti antara konstruk

	Sikap	Strategi Bertutur	Strategi Mendengar
Sikap		1.908	1.908
Strategi Bertutur	1.908		
Strategi Mendengar	1.908		

#### PENGESAHAN MODEL STRUKTUR


Rajah 2 berikutnya menunjukkan model struktur kajian, manakala jadual 9 menunjukkan pekali jalan (*path coefficients*) ( $\beta$ ) dan nilai keertiannya. Bagi kemasukan pemboleh ubah tidak bersandar ke dalam model laluan SmartPLS telah menyumbang sebanyak 50.7 peratus kepada perubahan dalam pemboleh ubah bersandar. Keputusan pengujian hipotesis menggunakan analisis model laluan SmartPLS telah menghasilkan dua penemuan penting: pertama, strategi mendengar mempunyai hubungan yang positif dengan sikap ( $\beta = 0.321$ ;  $t = 4.938$ ,  $LL = 0.215$ ,  $UL = 0.426$ ,  $p < 0.01$ ), oleh itu H1 diterima. Kedua, strategi bertutur mempunyai

hubungan yang positif dengan sikap ( $\beta = 0.45$ ;  $t = 7.700$ ,  $LL = 0.353$ ,  $UL = 0.552$ ,  $p < 0.01$ ), oleh itu H2 diterima. Secara keseluruhannya, keputusan ini mengesahkan bahawa strategi mendengar dan strategi bertutur berupaya bertindak sebagai peramal penting kepada sikap bagi pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab.

Secara rumusannya kesan  $f^2$  boleh dikatakan sederhana bagi strategi bertutur dalam menyumbang perubahan varians di dalam sikap ( $f^2 = 0.216$ ), manakala kesan saiz  $f^2$  strategi mendengar juga sederhana terhadap sikap ( $f^2 = 0.110$ ). Terdapat tiga tahap kesan saiz, iaitu kecil ( $0.02 - 0.14$ ), sederhana ( $0.15 - 0.34$ ) dan besar ( $> 0.35$ ) (Sullivan dan Feinn, 2012).

JADUAL 9. Keputusan tahap signifikan hubungan (hipotesis)

	Std Beta	Std. Error	Nilai t	Keputusan	LL	UL	R <sup>2</sup>	f <sup>2</sup>
Strategi Bertutur -> Sikap	0.451	0.059	7.700	Disokong	0.353	0.552	0.507	0.216
Strategi Mendengar -> Sikap	0.321	0.065	4.938	Disokong	0.215	0.426		0.110



RAJAH 2. Model Struktur Kajian

## PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada analisis data di atas, jelas sekali bahawa sikap yang positif responden terhadap pembelajaran kemahiran lisan mendorong responden mengukuhkan strategi mendengar dan bertutur. Meskipun demikian, jika dibandingkan antara strategi mendengar dan bertutur, responden menunjukkan bahawa strategi mendengar yang lebih rendah. Apabila diteliti setiap konstruk yang dikategorikan sebagai strategi mendengar, jelas sekali strategi mendengar yang paling rendah ialah pada konstruk yang mengandungi tiga item dengan skor (=9.196), iaitu:

Konstruk 3: Apa yang saya lakukan untuk memahami apa yang saya dengar

1. "Saya mencari padanan bunyi lafaz huruf bahasa Arab yang sama dengan bunyi lafaz huruf bahasa Melayu"
2. "Saya cuba untuk mengingat bunyi lafaz huruf yang tidak biasa saya dengari"
3. "Saya meminta supaya bunyi lafaz huruf tersebut diulang semula"

Berdasarkan item pertama ini, strategi mencari padanan bunyi dalam bahasa Arab dengan bahasa Melayu kurang dipraktikkan responden sedangkan ia amat bermanfaat. Menurut kajian Ahmad Zulfadhli Nokman et al. (2017), bunyi bahasa Arab yang menyamai bunyi bahasa Melayu atau loghat setempat pelajar bahasa boleh dimanfaatkan untuk kemahiran pertuturan. Hal ini jelas wujud dalam

bahasa Melayu yang sememangnya mempunyai kata pinjaman yang diambil daripada bahasa Arab (Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Che Radiah Mezah (2011); Ibtisam Abdullah dan Imran Ho Abdullah (2018); Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor (2010).

Begitu juga bunyi sebutan bahasa Arab yang tidak mempunyai padanan dengan bahasa Melayu kurang diberi perhatian oleh responden. Hal ini sudah tentu menyebabkan pembelajaran kemahiran pertuturan akan terbantut. Perbezaan bunyi bahasa Arab yang asing dalam bahasa Melayu sepatutnya diberi perhatian oleh pelajar bahasa Arab dan diingati dengan sebaiknya. Apabila bunyi bahasa Arab yang jarang didengar dihafal dan diingati dengan baik, sudah tentu proses memahami sebutan bahasa Arab menjadi lebih mudah dalam proses menguasai pertuturan bahasa Arab.

Berdasarkan item yang ketiga, responden juga tidak proaktif bertindak untuk meminta agar bunyi lafaz yang pertama kali didengar diulang semula oleh guru bahasa Arab. Tindakan ini menyebabkan responden memendam dalam minda mereka sehinggalah bunyi lafaz itu disebut lagi buat kali kedua atau ketiga tanpa dapat menguasainya. Dalam hal ini, sikap pasif pelajar boleh mengundang kepada kurang faham atau penguasaan mengesan bunyi bahasa dengan tepat. Akibatnya pelajar mendapat maklumat yang kurang daripada keseluruhan mesej yang didengar.

Meskipun demikian, dari aspek tindakan, responden menunjukkan sikap yang lebih positif

apabila berhadapan dengan situasi berulang bunyi yang tidak difahami. Hal ini dapat dilihat pada konstruk dalam strategi mendengar yang skor tertinggi (=43.108) mengandungi enam item seperti di bawah:

Konstruk 4: Apa yang saya lakukan jika masih belum dapat memahamkan pertuturan bahasa Arab?

1. "Saya meminta individu/penutur untuk mengulang semula ucapannya"
2. "Saya meminta individu/penutur untuk memperlahankan lontaran ucapan"
3. "Saya menanyakan soalan"
4. "Saya meneka maksud KK/FR/AY bahasa Arab daripada nada ucapan individu/penutur (contoh: nada marah, nada gembira)"
5. "Saya meneka maksud KK/FR/AY bahasa Arab melalui gerak geri individu/penutur"
6. "Saya meneka maksud KK/FR/AY bahasa Arab daripada ucapan yang saya pernah dengar"

Kebanyakan responden mula menjadi aktif apabila berhadapan dengan situasi tidak dapat menguasai bunyi dalam pertuturan bahasa Arab. Tindakan yang diambil itu bersifat hubungan luaran (eksternal) dan dalaman (internal). Bagi hubungan luaran, responden menyatakan bahawa mereka membuat permintaan kepada guru bahasa Arab sama ada dengan mengulang semula ucapan, memperlahankan ucapan atau bertanyakan soalan. Partisipasi aktif dalam proses pembelajaran merupakan aspek penting untuk memperolehi kemahiran bahasa. Dalam suasana pembelajaran aktif, pelajar akan berinteraksi dengan persekitaran mereka, iaitu mereka akan memanipulasi sumber di sekeliling mereka (Mohd Nasir Mohd Nor & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff 2019).

Meskipun demikian, responden kajian ini juga bersifat reflektif secara internal, iaitu memproses maklumat yang diterima dengan strategi sendiri tanpa melibatkan bantuan dari luar seperti guru atau rakan-rakan. Reflektif secara internal ini juga boleh dianggap sebagai pembelajaran pasif. Menurut Rosni Samah (2009) sikap pasif ini dapat diperhatikan apabila pelajar hanya duduk mendengar pelajaran, tidak banyak bertanya, tidak bersedia dan tidak bercakap di dalam kelas.

Reflektif secara internal ini hanya bermanfaat untuk menyelesaikan masalah kognitif seperti menganalisis, membanding dan membuat rujukan.

Berdasarkan item di atas, responden menyatakan mereka membuat tekaan terhadap maklumat bunyi yang melibatkan kata kerja, kata nama atau frasa yang didengar. Hal ini sudah pasti memberi kelebihan dari sudut maklumat yang boleh digunakan untuk membentuk kemahiran lisan. Justeru itu, gabungan strategi eksternal dan internal responden untuk mendapatkan kemahiran mendengar berada pada tahap yang baik.

Bagi konstruk sikap pula, item yang paling rendah pula ialah item 6 dengan skor (=12.336). Item ini ialah: "Saya menggunakan tempoh yang diberikan untuk memantapkan penguasaan lisan bahasa Arab." Berdasarkan frasa ini, pengkaji mengandaikan responden bersikap kurang produktif dalam tempoh yang diberikan untuk menguasai kemahiran lisan. Hal ini bermaksud responden sebenarnya tidak dapat memaksimumkan masa yang diperuntukkan untuk pembelajaran dan latihan kemahiran lisan seperti mendengar dan bertutur. Sebaliknya mereka mengambil masa tambahan di luar masa yang diperuntukkan. Sikap ini sebenarnya merugikan pelajar yang mempelajari bahasa Arab kerana persekitaran kelas bahasa merupakan tempat yang paling penting untuk mereka mendapatkan kemahiran lisan. Ditambah pula persekitaran bahasa Arab amatlah terhad berbanding dengan persekitaran bahasa Inggeris (Rosni Samah 2009; Imam Asrori 2018).

Sesungguhnya pelajar bahasa Arab mampu menguasai kemahiran lisan dengan mengambil kira keperluan motivasi yang konsisten, tempoh masa yang cukup, keterlibatan secara aktif dalam aktiviti pembelajaran, membuang sifat malu dan menerima kesalahan yang dilakukan sebagai proses normal dalam pembelajaran bahasa dapat mempertingkatkan strategi mendengar dan bertutur responden. Dalam erti kata yang lain, pemerolehan kemahiran lisan bermula daripada tingkah laku dan sikap pelajar bahasa Arab yang perlu disuburkan untuk meningkatkan minat, mencari peluang yang sesuai mengikut situasi dan membina sifat keyakinan yang tinggi. Justeru itu, memupuk kefahaman dan kesedaran akan kepentingan untuk mempelajari bahasa asing perlu diterapkan dalam kalangan pelajar bahasa (Pareeda Hajeete et al. 2020).

Peranan yang paling penting dalam pembelajaran kemahiran lisan mestilah bermula daripada sikap pelajar itu sendiri (Nazratul Aini Ramli 2021).



Seterusnya pengajar bahasa mestilah peka terhadap sikap pelajar dan sentiasa berusaha untuk memberi motivasi secara berterusan, memilih bahan pengajaran yang menarik dan melakukan tindak balas positif atas sebarang respons yang dilakukan oleh pelajar. Berkaitan perihal ini, latar belakang budaya hidup pelajar perlu dikenal pasti oleh tenaga pengajar bahasa dalam proses pengajaran (Batiha, et al. 2018). Oleh yang demikian, pembentukan sikap yang betul mestilah disemai dalam sanubari pelajar bahasa Arab agar strategi pembelajaran yang berkesan khususnya strategi mendengar dan bertutur dapat dilakukan dengan sebaik mungkin semasa mempelajari bahasa Arab. Namun begitu, kejayaan pelajar menguasai sebutan bahasa Arab bukanlah atas usahanya sendiri sahaja bahkan perlu disokong oleh strategi pengajaran yang berkesan, menarik dan dapat memotivasikan mereka (Ahmad Fared Mohd Din & Mohammad Seman 2019).

#### KESIMPULAN

Secara umumnya, dapatan kajian ini menunjukkan ada dalam kalangan pelajar yang menggunakan strategi mendengar dan bertutur. Meskipun demikian, strategi mendengar adalah lebih rendah berbanding dengan strategi bertutur. Perkara ini perlu diberi perhatian oleh pengajar bahasa Arab. Pada pengamatan pengkaji, strategi mendengar sukar diukur dan dilatih semasa dalam sesi pembelajaran berbanding dengan strategi bertutur yang boleh dilaksanakan dengan segera seperti ajukan, bacaan nyaring dan seumpamanya.

Sesungguhnya kefahaman terhadap strategi mendengar dan strategi bertutur yang digunakan oleh pelajar dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab membantu para pengajar bahasa untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang sesuai dengan sikap dan penerimaan pelajar. Perbincangan yang berterusan sama ada antara pelajar dengan pengajar untuk mewujudkan sikap positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran lisan perlu ditingkatkan dari masa ke masa.

Manakalaperbincangandalamkalanganpengajar pula amatlah penting untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sekali gus dapat mencapai hasil yang memberangsangkan dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dapatan daripada geran penyelidikan yang berdaftar di bawah (SIG) (600-UiTMCTKD (PJI / RMU / SS / DANASIG5 / 2/1) Jld.4 Dss (13/2019).

#### RUJUKAN

- Adlina Abd. Khalil, Norlaila Saadan & Jessica Ong Hai Liaw. 2021. Language acculturation: Barriers to social distance & psychological distance for Malay learners in higher learning institutions. *Akademika* 91(Isu Khas): 109-117.
- Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar. 2011. Analisis Morfologi Kata Kerja Bahasa Arab dalam Surah Al-Waqi'ah. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Terengganu, Terengganu, Malaysia.
- Ahmad Fared Mohd Din & Mohammad Seman. 2019. Meningkatkan kemahiran bertutur Bahasa Arab melalui strategi penguasaan sebutan. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 2(1): 85-99.
- Ahmad Zulfadhli Nokman, Azman Che Mat, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, Nor Shaifura Musilehat, Ahmad Nazuki Marzuki Yaakub. 2017. A study on the first-language influence on the Arabic pronunciation among Terengganuans in Malaysia. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature* 6(4): 76-80.
- Ahmed, F. 2016. Using podcasts to improve listening comprehension in the arabic classrooms. Dimuat turun pada 28 September 2020. [https://isna.net/wp-content/uploads/2016/10/using\\_podcasts\\_to\\_improve\\_listening\\_comprehensionfatimamaghdaoui.pdf](https://isna.net/wp-content/uploads/2016/10/using_podcasts_to_improve_listening_comprehensionfatimamaghdaoui.pdf)
- Aldhafiri, M. D. 2020. The effectiveness of using interactive white boards in improving the Arabic listening skills of undergraduates majoring in Arabic language at Kuwaiti universities. *Education and Information Technologies* 25(5): 3577-3591.
- Alhajya, N. M., Alzaghhamim, S. S., & Arouri, Y. M. 2018. The impact of virtual trips on the development of Arabic language listening skills among third grade students in Jordan. *JOTSE* 8(1):72-85.
- Al-khresheh, M. H., Khaerurrozikin, A., & Zaid, A. H. 2020. The efficiency of using pictures in teaching speaking skills of non-native Arabic beginner students. *Universal Journal of Educational Research* 8(3): 872-878.
- Ashinida Aladdin. 2012. Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 12(2): 645-666.

- Ashinida Aladdin. 2017. Mixed-method approach on motivational orientations of learning Arabic as a foreign language in Malaysia. *Akademika* 87(1): 291-301.
- Azani Ismail, Azman Che Mat & Mat Taib Pa. 2012. Membina kemahiran pertuturan menerusi aktiviti lakonan dalam pengajaran Bahasa Arab. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 12(1): 325-337.
- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di institut pengajian tinggi: Perbandingan antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* 2(2): 9-20.
- Azman Che Mat. 2013. Sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab di IPTA. *Academia Journal UITM* 2(2): 61-68.
- Buska, W., Latif, M., Risnita, R., Us, K. A., & Prihartini, Y. 2020. The management of language laboratory in improving students' Arabic competence. *Arabi: Journal of Arabic Studies* 5(1): 51-62.
- Carlson, K. D., & Herdman, A. O. 2012. Understanding the impact of convergent validity on research results. *Organizational Research Methods* 15(1): 17-32.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan (Buku 1)*. Malaysia: McGraw Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Cohen, A. D. & Oxford, R. L. 2002. Young learners' language strategy use survey. [https://carla.umn.edu/about/profiles/CohenPapers/Young\\_Lg\\_Strat\\_Srvy](https://carla.umn.edu/about/profiles/CohenPapers/Young_Lg_Strat_Srvy)
- Cox, E., Bachkirova, T. & Clutterbuck, D. A., eds. 2014. *The Complete Handbook of Coaching*. London: SAGE Publication Ltd.
- Darmiyati Zuchdi. 1995. Pembentukan sikap. *Cakrawala Pendidikan* 3(XIV): 51- 63.
- Fahed Maromar, Mohamad Rofian Ismail, Ahmad Rezdaudin Ghazali, Mohd Salihin Hafizi Mohd Fauzi, Khairul Anuar Abu Othman, Mohd Aminudin Ab Rahman & Nur Fadilah Abdul Basit. 2018. Teknik Meningkatkan Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Dalam Kalangan Bukan Penutur Jati di IPTS dan IPG, *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*, Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 August 2018.
- Fathur Rohman. 2015. *Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. Malang: Madani.
- Fornell, Claes & Larcker, David, F. 1981. Structural equation models with unobservable variables and measurement error: Algebra and statistics. *Journal of Marketing Research* 18 (3): 382-388.
- Franke, G., & Sarstedt, M. 2019. Heuristics versus Statistics in discriminant validity testing: A comparison of four procedures. *Internet Research* 29(3): 430-447.
- Gefen, D. & Straub, D. 2005. A practical guide to factorial validity using PLS-graph: Tutorial and annotated example. *Communications of the Association for Information Systems* 16(1): 91-109.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online® Journal of Language Studies* 10(3): 15-33.
- Hair, J. F., Hollingsworth, C. L., Randolph, A. B., & Chong, A. Y. L. 2017. An updated and expanded assessment of PLS-SEM in information systems research. *Industrial Management & Data Systems* 117(3): 442-458.
- Hair, J.F., Sarstedt, M., Hopkins, L. and Kuppelwieser, V.G. 2014. Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM): an emerging tool in business research. *European Business Review* 26(2): 106-121.
- Hanifah, U., & Rakhmawati, I. 2020. The Prominence of Creating Language Environment in Developing Arabic and English-Speaking Skills in Islamic Universities. In *International Conference on English Language Teaching (ICONELT 2019)*(pp. 271-273). Atlantis Press.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2016. *Konsep & Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab*. Bangi: Penerbit UKM Press.
- Harun Baharudin. 2014. Strategi pembelajaran kosakata bahasa arab pelajar sekolah menengah agama di Malaysia. Tesis Kedoktoran di Universiti Malaya.
- Henseler, J., Ringle, C., & Sinkovics, R. 2009. The use of partial least squares path modeling in international marketing. *Advance in International Marketing* 20: 277-319.
- Ibtisam Abdullah & Imran Ho Abdullah, 2018. Kata pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu analisis kajian dari sudut perubahan morfologi. *e-BANGI* 13(3): 43-50.
- Imam Asrori. 2018. Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab. Universitas Negeri Malang. *Prosiding Konferensi Nasional Bahasa Arab IV*, Malang 6 Oktober 2018.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat 2013. Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 13(2): 81-97.
- Jafar Mohammad Batiha, Rosniah Mustaffa & Noorizah Mohd Noor. 2018. Foreign language speaking anxiety of Jordanian freshman English learners. *Akademika* 88(1): 153-165.
- Jamrus, M. H. M., & Razali, A. B. 2019. Using self-assessment as a tool for English language learning. *English Language Teaching* 12(11): 64-73.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali & Awatif Abdul Rahman. 2014. Kaedah pengajaran & pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Arab di IPT. *The Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 1.

- Mastura Arshad & Kaseh Abu Bakar. 2015. Penggunaan strategi pembelajaran aturan sendiri kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Pusat Asasi UIAM. *AJTLHE* 7(1): Jan 2015: 1-17.
- Masyitoh Yaacob, Firuz Akhtar Mohamad Bohari & Kaseh Abu Bakari. 2018. Kecekapan bertutur Bahasa Arab dan pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar berserta elemen coaching dan mentoring. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)* 10(2): 28-44.
- Mohd Nasir Mohd Nor & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2019. *Pembelajaran Bahasa Arab di Luar Bilik Darjah: Modul Mukhyyam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nadhilah Abdul Pisal & Kamarul Shukri Mat Teh. 2018. Perbezaan jantina dalam penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)* 3(1): 143-153.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. 2014. Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai bahasa kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies* 14(1): 117-133.
- Nazratul Aini Ramli. 2021. Faktor kesukaran pelajar melayu dalam mengenal pasti bunyi huruf-huruf Arab. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)* 3(1): 31-42.
- Nurhidayati, Muhd Z. I., Machmudah, U. & Jalaluddin, I. 2021. Effectiveness of problem-based learning model to improve listening skills in foreign language courses. *Akademika*, 91(Isu Khas): 131-142.
- Nurul Izzati Ahmad Radzi, Harun Baharudin & Mohd Khalid Mohamad Nasir. 2021. Strategi kemahiran komunikasi dalam pengajaran Bahasa Arab. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education* 1(3): 62-70.
- Pabiyah Toklubok@Hajimaming & Che Radiah Mezah. 2011. Penggunaan kata pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Linguistik* 13(1): 1-16.
- Pareeda Hayeeteh, Shahidi A.H., & Rahim Aman. 2020. Penerimaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Universiti Rajabhat Yala (YRU) Thailand. *Akademika* 90(3): 105-115.
- Ramayah, T., Cheah, J.-H., Chuah, F., Ting, H. & Memon, M.A. 2016. *Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM) Using SmartPLS 3.0: An Updated and Practical Guide to Statistical Analysis*. Singapore: Pearson.
- Relit Nur Edi. 2012. Pendekatan komunikatif (al-Madkhol al-Ittisholi) dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Al Bayan UIN Raden Intan* 4(2): 1-14.
- Rosni Samah, Aishah Isahak & Wan Azura Wan Ahmad. 2020. Amalan guru cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa dan sastera Arab mengikut strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education* 35(1): 37-54,
- Rosni Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. 2014. Suggested Strategies for non-Arabic speakers in learning Arabic Language. *Pensee Journal* 76(1): 232-239
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmad, Arifin Mamat, & Ismaiel Hassanein Ahmaed Mohamed. 2010. Understanding Arabic-speaking skill leaning strategies among selected Malaysia learners: A case study at International Islamic University Malaysia. *Contemporary Issues in Education Research* 3(8): 9-20.
- Sullivan, G. M., & Feinn, R. 2012. Using effect size-or why the P value is not enough. *Journal of Graduate Medical Education* 4(3): 279-282.
- Wahab, M. A. 2008. *Epistemologi dan Metodologi Pembelajaran Bahasa Arab*. UIN Jakarta Press.
- Wan Mohd Saophy Amizul Wan Mansor. 2010. Entri agama berlabel "ar" dalam Kamus Dewan: Satu analisis semantik (Disertasi PhD yang tidak diterbitkan). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Work, D. M. 1999. What is Mentoring? Dimuat turun pada 25<sup>th</sup> Ogos 2020 daripada [http://www.marylandmentor.net/wp-content/uploads/2018/02/Mentoring-Job-Description\\_Maryland-MENTOR.pdf](http://www.marylandmentor.net/wp-content/uploads/2018/02/Mentoring-Job-Description_Maryland-MENTOR.pdf)
- Zamri Ahmad & Ibtisam Abdullah. 2014. Metode pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab berasaskan empat kemahiran. *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014*.
- Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman 2011. Teknik pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 11(2): 67-82.
- Azman Che Mat  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Cawangan Terengganu,  
Kampus Dungun  
23000 Dungun, Terengganu.  
Email: azman531@uitm.edu.my
- Ahmad Zulfadhli Nokman  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Cawangan Terengganu,  
Kampus Dungun  
23000 Dungun, Terengganu.  
Email: zulfadhli@uitm.edu.my
- Nor Shaifura Musilehat  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Cawangan Terengganu,  
Kampus Kuala Terengganu  
21080 Chendering, Terengganu.  
Email: shaifura@uitm.edu.my

Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar  
Akademi Pengajian Bahasa  
UiTM Cawangan Terengganu,  
Kampus Kuala Terengganu  
21080 Chendering, Terengganu.  
Email: ahmad1183@uitm.edu.my

Zalinawati Abdullah  
Fakulti Pengurusan Perniagaan  
UiTM Cawangan Terengganu,  
Kampus Dungun  
23000 Dungun, Terengganu.  
Email: zalin5026@uitm.edu.my

Received: 14 July 2021

Accepted: 7 July 2022